

**KONSEP KENDIRI DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI REMAJA
DELINKUEN DI SEKOLAH-SEKOLAH TUNAS BAKTI,
SEMENANJUNG MALAYSIA**

***SELF-CONCEPT AND PSYCHOLOGICAL WELL-BEING AMONG
DELINQUENT ADOLESCENTS IN TUNAS BAKTI SCHOOLS,
PENINSULAR MALAYSIA***

Siti Marhamah Kamarul Arifain*

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat , Johor, Malaysia

Muhammad Yasin Omar Mokhtar@Umar

Pusat Pengurusan, Penyelidikan dan Pengkomersialan,
Universiti Islam Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia

Faudziah Yusof

Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Melaka
Batu 28, Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia

Norhasima Abdullah

Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Melaka
Batu 28, Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia

**Corresponding Author's Email: marhamah@uthm.edu.my*

Article History:

Received : 16 February 2024

Accepted : 3 April 2024

Published : 25 Jun 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Arifain, S.M.K., Mokhtar, M.Y.O., Yusof, F. & Abdullah, N. (2024) Konsep Kendiri Dan Kesejahteraan Psikologi Remaja Delinkuen Di Sekolah-Sekolah Tunas Bakti, Semenanjung Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 241-256.

ABSTRAK

Konsep kendiri dan kesejahteraan psikologi saling berkait rapat kerana konsep kendiri mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi remaja. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian korelasi melalui pendekatan kaedah keratan rentas

(*cross-sectional design*). Dalam kajian ini sebanyak 296 orang remaja yang berumur diantara 13 tahun hingga 17 tahun telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Lokasi kajian yang terlibat adalah semua Sekolah Tunas Bakti di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian deskriptif menunjukkan min tertinggi adalah sebanyak 2.88 iaitu konsep sendiri fizikal, diikuti dengan konsep sendiri keluarga dengan jumlah min sebanyak 2.43, manakala min ketiga tertinggi adalah konsep sendiri peribadi sebanyak 2.38. Seterusnya, konsep sendiri sosial dengan nilai min 2.37 diikuti konsep sendiri moral dengan nilai min 2.27 dan terakhir min terendah adalah min akademik/pekerjaan sebanyak 2.17. Manakala hasil analisis inferensi menggunakan Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan konsep sendiri terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia ($r= 0.57, k < .00$). Secara kesimpulannya, kajian ini menjelaskan bahawa konsep sendiri yang berhubungan positif dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja dapat memberi impak yang positif pada masa akan datang kepada negara seterusnya membantu pembentukan generasi yang mempunyai nilai, moral dan akhlak yang baik.

Kata kunci: konsep sendiri, kesejahteraan psikologi, remaja delinkuen

ABSTRACT

Self-concept and psychological well-being are closely intertwined because self-concept has a relationship with the psychological well-being of adolescents. This study uses the design of correlation studies through a cross-sectional design approach. In this study, 296 adolescents between the ages of 13 and 17 were selected using a stratified random sampling. The study locations involved were all Sekolah Tunas Bakti in Peninsular Malaysia. The results showed that the highest mean was 2.88, which is physical self-concept, followed by family self-concept with a mean of 2.43, while the third highest mean was personal self-concept at 2.38. Next, the social self-concept with a mean value of 2.37 followed by the moral self-concept with a mean value of 2.27 and lastly the lowest mean was the academic/employment mean of 2.17. While the results of the inference analysis using Pearson correlation analysis showed that there was a significant association of self-concept towards psychological well-being among delinquent adolescents in Peninsular Malaysia ($r=0.57, k < .00$). In conclusion, this study explains that self-concept that is positively related to psychological well-being in adolescents can have a positive impact in the future to the country thus helping the formation of a generation with good values and morals.

Keywords: *self-concept, psychological well-being, delinquent adolescent*

1.0 PENGENALAN

Kesejahteraan psikologi merupakan satu isu penting dalam pembentukan nilai dan konsep sendiri remaja. Galambos dan Costigan (2003), menyatakan kesejahteraan psikologi remaja dan penghargaan sendiri boleh dijadikan indikator kepada

perkembangan emosi dan merupakan proses perkembangan yang penting untuk remaja. Konsep sendiri, identiti dan tingkah laku asertif juga merupakan tugas perkembangan yang penting untuk remaja yang kebanyakannya dikaitkan dengan perkembangan emosi yang sempurna (Galambos & Costigan, 2003). Pembentukan emosi yang baik ini dapat mengelakkan daripada masalah mental remaja seperti kemurungan dan tekanan (Sarkova et al., 2014). Menurut Rayle (2005), peningkatan dalam kesejahteraan psikologi remaja dipengaruhi oleh perhubungan dengan sekolah, keluarga dan rakan sebaya yang baik, mempunyai hubungan yang baik dengan orang ramai, melakukan aktiviti fizikal dan mengamalkan pemakanan yang sihat. Manakala remaja yang terjebak dengan buli, merokok, alkohol, penyalahgunaan dadah serta pengamalan seks tidak sihat cenderung untuk menjejaskan kesejahteraan psikologi remaja (Rigby et al., 2007).

Justeru, di Malaysia peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja telah meningkat dari tahun 2006 iaitu sebanyak 19.4% kepada 20% dalam tahun 2011 (Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan, 2012). Pada tahun 2016 pula, didapati prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat berumur 16 tahun dan ke atas adalah sebanyak 29.2% (anggaran 4.2 juta rakyat Malaysia). Ini bermaksud 1 dalam 3 masyarakat Malaysia mengalami isu yang berkaitan dengan masalah mental. Kajian ini turut menunjukkan bahawa prevalen masalah kesihatan mental juga adalah paling tinggi dalam kalangan mereka yang berumur 16-19 tahun dan dalam kalangan golongan yang berpendapatan rendah. Ini bermakna, anggaran rakyat Malaysia yang mengalami kemurungan adalah sebanyak 2.3% iaitu hampir 500,000 individu yang berumur 16 tahun ke atas (Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan, 2019). Tambahan, pada tahun 2019 juga turut dilaporkan sebanyak 424,000 orang kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental di Malaysia yang berumur 10-15 tahun (Institut Kesihatan Umum, 2020). Daripada perbandingan statistik kesihatan mental di negara Barat dan Malaysia dapat dilihat permasalahan ini berlaku disebabkan oleh mereka dalam fasa mencari identiti diri dan sedang melakukan penerokaan sendiri (Marcia, 1966; Marcia, 1980; Erikson, 1980). Remaja ini digambarkan sebagai remaja yang melayang tanpa arah tujuan serta cenderung dikaitkan dengan remaja yang mempunyai penghargaan diri yang rendah, delinkuen dan masalah dadah dan alkohol (Luyckx et al., 2005; Adams et al., 2005).

Delinkuen merujuk kepada tingkah laku yang dilakukan oleh individu yang berumur remaja dan melanggar norma-norma masyarakat (Noor Lela Ahmad et al., 2018). Tingkah laku delinkuen juga sering diukur melalui tingkah laku merokok, penyalahgunaan bahan iaitu pengambilan alkohol dan dadah serta tingkah laku seksual sebelum nikah (Zainal, 2014). Menurut Steinberg (2009), antara faktor yang membawa kepada masalah delinkuen remaja adalah perubahan neurobiologi dan psikososial remaja. Hal ini diperlihatkan melalui kes-kes kesalahan yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK, 2019) yang mendapati seramai 33.1% remaja berumur 13 hingga 19 tahun terjebak dengan dadah berbanding hanya 6.7% dewasa berumur 19 hingga 39 tahun dan 19.9% individu berumur lebih 40 tahun. Seterusnya, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), kesalahan berulang kanak-kanak melakukan jenayah meningkat sebanyak 37.5% kepada 675 kes berbanding tahun sebelumnya. Peratusan tertinggi kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah kesalahan dadah (1965

orang), kesalahan bersabit harta benda (1035 orang), diikuti kesalahan bersabit dengan orang (600 orang) (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2019). Keruntuhan moral dan gejala sosial ini jelas digambarkan melalui data tersebut. Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada negara dalam membentuk generasi yang mempunyai nilai, moral dan akhlak yang unggul.

Konsep sendiri penting dalam mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja. Konsep sendiri dilihat mampu mempengaruhi tafsiran individu terhadap dunianya sendiri (Baron & Bryne, 2000) serta pandangan seseorang secara ringkasnya tentang status dirinya sendiri, menentukan bagaimana seseorang memproses maklumat tentang dirinya sendiri termasuk niat, tahap emosi, penilaian diri, kebolehan, nilai etika, peranan sosial dan ciri-ciri fizikal lain (Lussier, 2002; Baron & Bryne, 2000). Remaja yang membentuk konsep sendiri negatif cenderung bertingkah laku maladaptif, terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan melakukan kekerasan (Santrock, 2019). Konsep sendiri dan kesejahteraan psikologi turut berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa dan rakan sebaya (Pravitha & Sembiyan, 2017; Abdul Razak & Noraini, 2011).

2.0 OBJEKTIF

Terdapat dua objektif bagi kajian ini:

- i. Mengkaji konsep sendiri yang dominan dalam kalangan remaja delinkuen di Sekolah Tunas Bakti Semenanjung Malaysia.
- ii. Mengkaji hubungan antara konsep sendiri dan kesejahteraan psikologi remaja delinkuen di Sekolah Tunas Bakti Semenanjung Malaysia.

3.0 KAJIAN LEPAS

Konsep sendiri merupakan penilaian sendiri hasil daripada penilaian orang lain terhadap diri individu. Pandangan orang lain terhadap diri remaja, perhatian yang diberikan oleh individu terhadap aspek personaliti, rupa wajah dan sikap dapat memberikan cerminan bahawa pandangan orang lain dapat memberikan gambaran yang berbeza dengan apa yang diri sendiri sangka. Melalui pemahaman dan pengiktirafan yang lebih mendalam terhadap dirinya, seorang remaja cenderung untuk memberikan penilaian berbeza berbanding penilaian yang diberikan oleh individu lain. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Razak dan Norani (2011) menyatakan tentang konteks keluarga dalam konsep sendiri dan kesejahteraan psikologi berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa dan penjaga. Huraian yang diberikan lebih tertumpu kepada pembentukan sendiri remaja dilihat amat cenderung hasil daripada didikan ibu bapa dan penjaga. Pengkaji mengaitkan konsep sendiri dalam menghuraikan aspek kesejahteraan psikologi remaja delinkuen apabila kebanyakan kes berkenaan salah laku remaja delinkuen ini adalah berdasarkan penelitian perkara yang diterima dan diajar oleh ibu bapa di rumah serta hasil didikan penjaga. Manakala dalam konteks di sekolah pula, Pravitha dan Sembiyan (2017) mendapati kesejahteraan psikologi pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki kerana pelajar perempuan kini sudah sebaris dengan lelaki untuk belajar jurusan kejuruteraan. Kesejahteraan psikologi yang baik disebabkan oleh perkembangan penghargaan sendiri dan konsep sendiri yang jelas di zaman remaja.

Kajian oleh Prabowo (2016) pula mengkaji kesejahteraan psikologi remaja di sekolah-sekolah di Indonesia kerana permasalahan sosial dalam kalangan remaja di Indonesia semakin membimbangkan. Kesejahteraan psikologi remaja juga dapat menjadi asas bagi remaja dalam menghadapi masa yang kritikal sepanjang zaman remaja. Pengkaji mendapati bahawa kesejahteraan psikologi remaja yang paling dominan adalah penguasaan lingkungan iaitu remaja berasa puas apabila remaja tersebut mampu menguasai persekitarannya dengan baik kerana mampu untuk membina hubungan yang baik dengan orang sekelilingnya. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai konsep sendiri yang tinggi kerana mampu membuat keputusan yang baik tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Ia sejajar dengan kajian Johari dan Puspavalli (2005) yang menunjukkan tahap konsep sendiri dan tahap kesejahteraan hidup remaja akhir adalah tinggi. Seterusnya pengkaji juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan konsep sendiri dan kesejahteraan hidup berdasarkan jantina dan etnik. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan kesejahteraan hidup antara remaja bekerja dan remaja yang belajar. Dapatan kajian ini telah memberikan gambaran yang jelas tentang remaja yang walaupun mereka belajar mahu pun bekerja, konsep sendiri mereka adalah lebih kurang sama. Ini disebabkan oleh remaja yang mempunyai pendidikan sederhana yang bekerja telah membuat persediaan untuk menceburi dalam bidang pekerjaan dan tidak ada keinginan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi. Ini menyebabkan mereka mempunyai konsep sendiri yang tinggi sama seperti remaja yang belajar kerana mereka memahami apa yang mereka mahukan dalam kehidupan. Kajian oleh Dadhania (2015) pula adalah untuk mengenalpasti pengaruh kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan di India dan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara remaja lelaki dan perempuan terhadap kesihatan mental $t = 2.19, p < .05$ serta terdapat perbezaan yang signifikan juga terhadap kesejahteraan psikologi remaja berdasarkan jantina, $t = 2.19, p < .05$. Seterusnya, terdapat juga hubungan yang signifikan antara kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi remaja di India ($r = 0.82, p < 0.05$).

Secara kesimpulannya, pemupukan konsep sendiri remaja bermula daripada pendidikan informal di rumah melalui didikan awal ibu dan bapa. Justeru itu, faktor di sekolah juga dapat membantu remaja membina konsep sendiri yang baik sekali gus membentuk kesejahteraan psikologi yang baik. Remaja akhir juga dilihat mempunyai konsep sendiri yang matang berbanding dengan remaja awal dan remaja pertengahan.

4.0 METODOLOGI

4.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian korelasi melalui pendekatan kaedah keratan rentas (*cross-sectional design*). Kaedah ini dilakukan melalui pengedaran soal selidik untuk mendapatkan maklumat demografi, Instrumen Skala Konsep Diri *Tennessee-2* (TSCS:2) dan Instrumen *EPOCH Measure of Adolescent Well-Being* untuk mengukur konsep sendiri dan kesejahteraan psikologi remaja. Menurut Stangor (2015), kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai untuk melihat perbandingan berdasarkan perbezaan dalam sesuatu kumpulan iaitu semua

kumpulan yang terlibat diukur dalam masa yang sama. Selain itu, kaedah ini juga memudahkan pengkaji memperoleh responden yang ramai dalam tempoh masa yang singkat (Arifain, 2021; Stangor, 2015).

4.2 Populasi Kajian

Populasi ialah satu agregat elemen yang telah diperincikan secara teori dan merangkumi kesemua individu yang hendak dikaji (Sabitha, 2009). Dalam kajian ini, populasi kajian yang dikenalpasti adalah remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia yang berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pentakrifan remaja adalah individu yang melalui transisi kehidupan dan sedang melalui proses pemantapan fizikal, kognitif, emosi dan rohani bermula daripada umur antara 10 hingga 12 tahun serta berakhir pada umur 18 hingga 22 tahun (Santrock, 2019; Blakemore & Mills, 2014; Mahmood Nazaar, 2009). Justeru, pentakrifan remaja berdasarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016) adalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001. Remaja yang terlibat adalah remaja delinkuen yang berada di Sekolah Tunas Bakti (STB) di Semenanjung Malaysia diambil kerana sesuai dengan pentakrifan remaja oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah populasi sekolah-sekolah Tunas Bakti di bawah JKM adalah seramai 404 orang remaja.

Di dalam kajian ini, responden daripada umur 13 tahun sehingga 17 tahun telah dipilih selaras dengan pentakrifan remaja atau dikenali sebagai kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Remaja yang dipilih di bawah Sekolah Tunas Bakti (STB) ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang merupakan kategori kanak-kanak yang pernah terlibat dengan tingkahlaku delinkuen. Antara contoh kesalahan tingkah laku yang dilakukan oleh remaja di STB ialah penagihan dadah, merompak, merogol dan seks luar nikah. Sikap yang dipegang oleh remaja membawa ke arah tingkah laku delinkuen seperti tidak bermoral tinggi, kurang rasa bersalah ke atas kelakuan yang mencederakan, menunjukkan tahap keganasan, penyalahgunaan bahan, penggunaan bahan, kecurian dan kenakalan (Shulman et al., 2011; Bandura et al., 2001).

4.3 Sampel Kajian

Kajian ini telah menggunakan teknik persampelan rawak berstrata tidak berkadaran di mana sampel menunjukkan bahawa bilangan unit persampelan yang diambil dari setiap strata adalah tidak berkadaran dengan bilangan elemen dalam populasi (Rozmi, 2013). Persampelan rawak berstrata dipilih agar setiap strata dalam populasi mempunyai wakil yang secukupnya untuk membuat perbandingan dalam pengujian hipotesis. Seterusnya, penyelidik boleh membuat kesimpulan yang lebih tepat.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pengiraan saiz sampel Yamane (1967) yang telah dimudahkan daripada pengiraan sampel Cochran (1963) kerana populasi kajian ini tidak terlalu besar iaitu hanya seramai 404 orang penghuni atau jumlah populasi di Sekolah Tunas Bakti di Semenanjung Malaysia. Berikut

merupakan formula Yamane (1967) dalam pengiraan saiz sampel berdasarkan populasi sekolah iaitu;

$$\begin{aligned}
n &= \frac{N}{1+N(e)^2} \\
&= \frac{404}{1+404(0.05)^2} \\
&= 200.99 @ \mathbf{201}
\end{aligned}$$

Seterusnya, pengkaji menggunakan formula pengiraan persampelan rawak berstrata oleh Riduwan dan Akdon (2010) bagi mendapatkan jumlah sampel yang tepat bagi setiap sekolah yang terpilih.

Jadual 1: Pengiraan Jumlah Sampel Berdasarkan Strata

Lokasi Kajian	Jumlah Populasi	Jumlah Sampel Strata
STB Teluk Air Tawar (L)	$n = \frac{100 \times 201}{404}$	50
STB Taiping (L)	$n = \frac{85 \times 201}{404}$	42
STB Sungai Besi (L)	$n = \frac{110 \times 201}{404}$	55
STB Jerantut (L)	$n = \frac{34 \times 201}{404}$	17
STB Bukit Lereh Melaka (P)	$n = \frac{40 \times 201}{404}$	20
STB Marang (P)	$n = \frac{35 \times 201}{404}$	17
Jumlah Keseluruhan Sampel		201

Berdasarkan formula di dalam Jadual 1, melalui populasi sebanyak 404 penghuni Sekolah Tunas Bakti, sebanyak 201 sampel diperlukan untuk kajian ini. Namun, pengkaji telah meningkatkan bilangan sampel untuk mengatasi masalah data tidak lengkap, data *outliers* atau data tidak berkualiti seperti respon yang bersifat monoton. Oleh itu, untuk mendapatkan kadar respon sebanyak 60% hingga 80%, sebanyak 322 hingga 362 sampel diperlukan. Maka, pengkaji melalui beberapa proses dalam mengedarkan data kajian sehingga analisis data. Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 355 soal selidik kepada responden, namun hanya 321 sahaja soal selidik yang dikembalikan. Setelah pengkaji memasukkan data ke dalam SPSS, hanya 296 data sahaja yang boleh digunakan kerana sebanyak 6 data rosak dan 25 data *outlier* telah dikenalpasti oleh pengkaji.

4.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan iaitu profil demografi, Instrumen Skala Konsep Kendiri Tennessee 2 dan Instrumen Kesejahteraan Psikologi EPOCH.

Pertama, profil demografi dikumpul yang merangkumi maklumat seperti jantina, bangsa, umur responden dan jumlah pendapatan ibu bapa. Kedua, Instrumen Skala Konsep Kendiri Tennessee 2 ini dibina oleh Fitts dan Warren (1997) untuk mengukur konsep kendiri melalui pelbagai domain dan juga menggabungkan skor kesahan (*inconsistency, faking good & self-criticism*). Instrumen ini menggunakan versi *Adult Form* yang mempunyai 82 item untuk mengukur konsep kendiri responden daripada umur 13 tahun hingga 90 tahun. Skor ini membawa dua rumusan utama iaitu Jumlah Konsep Kendiri dan Konflik. Selain itu, ia mengandungi enam skala konsep kendiri yang mengukur domain yang berbeza iaitu Fizikal (*Physical*), Moral, Peribadi (*Personal*), Keluarga (*Family*), Sosial (*Social*) dan Akademik/Pekerjaan (*Academic/Work*). Instrumen ini juga selalunya ditadbir selama 10 hingga 20 minit. Instrumen ini mengandungi kenyataan dalam menjelaskan konsep kendiri seseorang melalui Skala Likert 5 poin iaitu selalu tidak benar (1), kebanyakannya tidak benar (2), kadang-kadang tidak benar dan kadang-kadang benar (3), kebanyakannya benar (4), dan selalunya benar (5).

Ketiga, bagi Instrumen Kesejahteraan psikologi EPOCH yang dibina oleh Dr. Martin Seligman pada tahun 2011 melalui penulisannya di dalam buku yang bertajuk *Flourish*. Beliau merupakan seorang tokoh psikologi positif yang memperkenalkan lima cabang utama di dalam kesejahteraan psikologi manusia yang dikenali sebagai PERMA iaitu emosi positif, keterlibatan, perhubungan, makna dan penyelesaian. Model ini sesuai digunakan untuk responden yang berumur antara 10 hingga 18 tahun. Model ini juga dapat menggambarkan lima perwatakan positif yang berbeza yang menyokong tahap kesejahteraan psikologi manusia melalui EPOCH iaitu keterlibatan (*engagement*), kegigihan (*perseverance*), optimistik (*optimism*), perhubungan (*connectedness*) dan kegembiraan (*happiness*). Instrumen EPOCH ini menggunakan skala Likert 5 poin dalam menggambarkan jawapan responden iaitu dari skala 1 hingga 5 iaitu daripada sangat tidak pernah/tidak langsung menggambarkan saya sehingga selalunya benar/sangat menggambarkan saya. Skor diperolehi dengan menambahkan kesemua item-item di dalam domain sebagai nilai purata, dan hasil akan digambarkan sebagai profil mengikut domain.

5.0 HASIL KAJIAN

5.1 Hasil Analisis Deskriptif

Jadual 2: Maklumat Profil Demografi

Pembolehubah	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	244	82.4
	Perempuan	52	17.6
	Jumlah	296	100

Umur	13 tahun	2	0.8
	14 tahun	8	2.7
	15 tahun	25	8.4
	16 tahun	59	19.9
	17 tahun	106	35.8
	18 tahun	96	32.4
	Jumlah	296	100
Bangsa	Melayu	276	93.2
	Cina	7	2.4
	India	10	3.4
	Lain-lain	3	1.0
	Jumlah	296	100
Jumlah Pendapatan Ibu Bapa	Kurang RM4360	221	74.7
	RM4361 hingga RM9619	24	8.1
	RM9620 ke atas	6	2
	Tidak Pasti	45	15.2
	Jumlah	296	100

Jadual 2 menunjukkan taburan ciri-ciri responden. Kebanyakan responden adalah lelaki sebanyak 82.4% iaitu seramai 244 orang dan hanya seramai 52 orang responden perempuan atau 17.6% yang berjaya memenuhi kriteria kemasukan responden di STB yang dipilih. Seterusnya, peringkat umur responden menunjukkan majoriti responden berada pada umur 17 tahun iaitu sebanyak 106 orang atau (35.8 %). Diikuti peringkat umur 18 tahun sebanyak 96 orang atau 32.4% dan peringkat umur 16 tahun sebanyak 59 orang atau 19.9%. Seterusnya peringkat umur yang lain adalah 15 tahun, 14 tahun dan 13 tahun masing-masing seramai 25 orang atau 8.4%, 8 orang atau 2.7% dan 2 orang atau 0.7%.

Bagi kategori bangsa responden juga majoritinya adalah daripada bangsa Melayu iaitu sebanyak 276 responden atau 93.2%. Seterusnya bangsa kedua tertinggi iaitu bangsa India dengan 10 responden atau 3.4% dan bangsa Cina sebanyak 7 responden atau 2.4%. Manakala lain-lain bangsa hanya 3 responden sahaja atau 1.0% yang terlibat dalam kajian ini. Manakala bagi kategori pendapatan keluarga pula, majoriti responden berada pada pendapatan keluarga kurang dari RM 4360 iaitu dengan sebanyak 221 orang atau 74.7%. Diikuti seramai 45 responden (15.2%) menyatakan tidak pasti terhadap pendapatan keluarga mereka. Seterusnya sebanyak 24 responden atau 8.1% responden yang mempunyai pendapatan keluarga dalam lingkungan RM 4361 hingga RM 9619. Terakhir, bagi pendapatan RM 9620 ke atas sebanyak 6 orang atau 2.0% sahaja.

Jadual 3: Nilai Min bagi Setiap Kategori Konsep Kendiri

Konsep Kendiri	Jumlah Responden	Min	Sisihan Piawai
Fizikal	296	2.88	0.38
Moral	296	2.27	0.53
Peribadi	296	2.38	0.53
Keluarga	296	2.43	0.61
Sosial	296	2.37	0.57
Akademik/Pekerjaan	296	2.17	0.51

Jadual 3 menunjukkan nilai min bagi konsep kendiri remaja di Sekolah Tunas Bakti. Min tertinggi adalah sebanyak 2.88 iaitu konsep kendiri fizikal, diikuti dengan konsep kendiri keluarga dengan jumlah min sebanyak 2.43, manakala min ketiga tertinggi adalah konsep kendiri peribadi sebanyak 2.38. Seterusnya, konsep kendiri sosial dengan nilai min 2.37 diikuti konsep kendiri moral dengan nilai min 2.27 dan terakhir min terendah adalah min akademik/pekerjaan sebanyak 2.17.

5.2 Hasil Analisis Inferensi

Jadual 4: Hubungan antara konsep kendiri dan kesejahteraan psikologi remaja delinkuen

Pembolehubah	Kesejahteraan Psikologi (r)
Konsep kendiri	0.57**

$k < 0.00$

Analisis korelasi Pearson dalam Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan konsep kendiri terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia ($r = 0.57$, $k < .00$). Justeru, dapatan kajian ini membawa maksud konsep kendiri mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi remaja. Hasil kajian ini adalah selari dengan beberapa pengkaji lepas yang turut mendapati hasil yang sama iaitu perkembangan konsep kendiri dan kesejahteraan psikologi amat berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa, sekolah dan interaksi sosial remaja dengan individu lain (Prabowo, 2016; Abdul Razak & Noraini, 2011; Johari & Pushpavalli, 2005). Konsep kendiri adalah pemerhatian tentang diri sendiri, dirasai dan dinilai oleh individu itu sendiri serta melibatkan kesedaran dan persepsi tentang diri sendiri (Fitts & Warren, 1997; Swain, 1972). Konsep kendiri juga berkembang sepanjang masa dan hasil daripada pengalaman individu. Menurut Sari (2014), konsep kendiri positif membentuk penghargaan diri, penilaian diri dan penerimaan diri yang positif. Tempoh umur remaja merupakan satu tempoh perkembangan yang memerlukan penerokaan untuk membentuk konsep kendiri yang positif (Ybrandt, 2008). Sebaliknya, perkembangan konsep kendiri yang negatif merupakan faktor penyumbang kepada penolakan sosial dalam kalangan remaja sehingga menyebabkan tingkah laku delinkuen (Forney et al.,

2009). Kebanyakan kes-kes delinkuen remaja banyak dipengaruhi oleh penglibatan ibu bapa di rumah (Syazwana et al., 2019; Abdul Razak & Noraini, 2011) kerana pendidikan yang diterima sejak kecil di rumah mempengaruhi kesejahteraan psikologi anak-anak. Ia turut disokong oleh Bronfenbrenner dan Morris (2006) berpandangan perkembangan konsep sendiri anak-anak dipengaruhi oleh ruang lingkup keluarga. Malah Amato dan Ochiltree (1986) perkembangan diri dan kesejahteraan psikologi remaja dapat dicapai sekiranya remaja berkembang dalam persekitaran keluarga yang sihat.

Justeru, terdapat kajian lepas yang menyokong kepada faktor guru dan sekolah mempengaruhi konsep sendiri remaja. Menurut Calhoun et al., (2001), tingkah laku delinkuen dikaitkan dengan masalah di sekolah seperti keciciran dan rendah prestasi akademik. Justeru, sekolah berperanan penting dalam memastikan perkembangan konsep sendiri dan kesejahteraan psikologi remaja (Prabowo, 2016; Forney et al., 2009). Beliau berpendapat kesejahteraan psikologi remaja dapat dicapai sekiranya remaja mempunyai penguasaan persekitaran dan lingkungan yang baik kerana mampu membina hubungan yang baik dengan orang sekeliling. Remaja juga akan mengembangkan konsep sendiri apabila diterima dalam proses sosialisasi mereka. Peranan guru juga penting dalam membentuk konsep sendiri positif (Arcand al., 2020; Tang et al., 2011). Kajian-kajian ini membuktikan remaja yang sukar menyelesaikan masalah matematik akan mempunyai masalah seperti sukar bekerjasama, kebimbangan, tidak mampu memimpin dan masalah interaksi dalam kelas. Ia menunjukkan bahawa perkembangan konsep sendiri negatif mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja.

Hujah seterusnya, konsep sendiri juga boleh berkembang hasil daripada interaksi sosial dengan orang lain. Rentetan daripada pandemik COVID-19 menyebabkan remaja kurang berkomunikasi secara fizikal malah telah berlaku perubahan sosial secara mendadak iaitu komunikasi secara atas talian. Negara Malaysia khususnya telah mengalami perubahan dan kemajuan dari segi komunikasi sosial, kecanggihan komputer dan teknologi moden (Asbah et al., 2020). Awang Koding dan Zunaidah (2018) pula mendapati pengguna internet yang aktif adalah dalam kalangan individu berumur 8 tahun ke atas. Hasilnya, kajian Rasdanintia et al., (2020), mendapati kebanyakan remaja menghabiskan masa dengan penggunaan media sosial mempunyai konsep sendiri yang positif dan kesejahteraan psikologi yang baik. Ia disokong oleh kajian Felita yang mendapati bahawa sebanyak 54.6% remaja mencari rakan yang ramai di media sosial berbanding mencari maklumat. Kajian Lin et al., (2018) mendapati remaja yang mempunyai rakan yang ramai membentuk konsep sendiri yang baik dan berhubungan negatif dengan tekanan serta kemurungan. Menurut Sari dan Maryatmi (2019), membuktikan kebanyakan remaja menggunakan media sosial membentuk konsep sendiri positif kerana media sosial dipercayai membantu remaja dalam pembentukan identiti dan peranan. Menurut Maslow (1954), konsep sendiri yang positif dapat mencapai kesempurnaan sendiri (*self-actualization*) iaitu tahap tertinggi di dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow. Ini bermaksud individu mampu mencapai tahap tertinggi pertumbuhan, potensi diri dan nilai diri. Manakala, Rogers pula berpendapat, perkembangan remaja akan terjejas sekiranya remaja mempunyai konsep sendiri negatif.

Hujah secara praktikal menunjukkan bahawa remaja di STB mempunyai masalah yang sama terutama dalam bidang akademik, keluarga dan interaksi sosial

sehingga menjejaskan konsep sendiri dan kesejahteraan psikologi mereka. Menurut Heyder et al., (2021), remaja yang mempunyai masalah di sekolah adalah dalam kalangan remaja lelaki dan bukanlah remaja perempuan. Tingkah laku delinkuen terjadi disebabkan oleh ciri-ciri maskulin yang tinggi dan ingin dilihat hebat di mata rakan sebaya (Arcand et al., 2020; Tang et al., 2011). Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan penghuni di STB adalah dalam kalangan lelaki iaitu sebanyak 82.4% berbanding hanya 17.6% sahaja penghuni perempuan. Secara kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang menyebabkan penjejasan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia. Bukan sahaja disebabkan oleh pengaruh nilai sosial, konsep sendiri dan pembentukan identiti, malah banyak kajian lepas turut mengupaskan tentang pentingnya peranan keluarga, guru-guru, pendidikan, aspek gender dan komuniti dalam membantu memperkasakan diri remaja.

6.0 KESIMPULAN

Zaman remaja merupakan fasa pembentukan identiti dan seterusnya remaja itu sendiri akan bertingkahtaku untuk menjadi siapa diri mereka yang sebenar pada masa akan datang. Maka amat penting bagi fasa ini remaja mengenal diri mereka dan persekitaran dengan baik. Memahami diri sendiri dan persekitaran dengan baik bukan sahaja dapat membantu remaja untuk bertingkahtaku dengan baik bahkan telah terbukti dalam kajian ini konsep sendiri mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi. Jika pemahaman ini dipraktikkan bukan sahaja oleh remaja itu sendiri, persekitaran remaja juga harus memainkan peranan masing-masing terutamanya institusi kekeluargaan dan pendidikan. Secara tidak langsung keruntuhan moral dan gejala dapat dibendung. Akhirnya akan memberi impak kepada negara melalui pembentukan generasi yang mempunyai nilai, moral dan akhlak yang baik.

Sumbangan Pengarang

Arifain, S.M.K., Pengenalan, kajian lepas, method dan draf awal. Mokhtar, M.Y.O., Hasil kajian dan Perbincangan. Yusof, F., Suntingan draf akhir dan semakan akhir. Abdullah, N., Kemaskini rujukan gaya APA

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Abdul Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1): 35-44.

- Adams, G.R., Munro, B., Munro, G., Doherty-Poirer, M. & Edwards, J. (2005). Identity processing styles and Canadian adolescents' self-reported delinquency. *Identity: An International Journal of Theory and Research* 5(1): 57-65.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2019). Statistik Dadah. <https://www.adk.gov.my/en/public/drugs-statistics/> [30 Mei 2021].
- Amato, P.R. & Ochiltree, G. (1986). Family resources and the development of child competence. *Journal of Marriage and Family* 48(1): 47–56.
- Arcand, M., Juster, R.P., Lupien, S.J., & Marin, M.F. (2020). Gender roles in relation to symptoms of anxiety and depression among students and workers. *Anxiety Stress Coping* 33(1): 661–674.
- Arifain, S.M.K., Wan Sulaiman, W.S., Ahmad Badayai, A.R., & Abdullah, N.A. (2021). Pembangunan dan penilaian Instrumen Nilai Sosial (INS) remaja. *Jurnal 'Ulwan Special Issues I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi* 6(1): 1-21.
- Asbah Razali, Fauziah Ani & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2020). Mendepani perubahan sosial dalam era revolusi industri 4.0. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Awang Koding Che Tom & Zunaidah Tohalib. (2018). Hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan* 45: 420-428.
- Bandura, A., Caprara G.V., Barbaranelli, C., Pastorelli, C. & Regalia C. (2001). Sociocognitive self-regulatory mechanisms governing transgressive behavior. *Journal of Personality and Social Psychology* 80(1): 125–135.
- Baron, R.A. & Bryne, D. (2000). *Social Psychology*. Edisi ke-9. London: Allyn and Bacon.
- Blakemore, S.J. & Mills, K.L. (2014). Is adolescence a sensitive period for sociocultural processing? *Annual Review of Psychology* 65(1): 187-207.
- Bronfenbrenner, U. & Morris, P.A. (2006). The ecology of human development. Dlm. Damon, W., & Lerner, R. (pnyt.). *Handbook of Psychology*. New York: Wiley.
- Calhoun, G.B., Glaser, B.A. & Bartolomucci, C.L. (2001). The juvenile counseling and assessment model and program: A conceptualization and intervention for juvenile delinquency. *Journal of Counseling & Development* 79(2): 131–141.
- Cochran, W.G. (1963). *Sampling Techniques*. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Dadhania, D.A. (2015). Mental health and psychological well-being in adolescent boys and girls. *International Journal of Public Mental Health and Neurosciences* 2(3): 10-12.
- Erikson, E.H. (1980). *Identity and life cycle*. New York: Norton.
- Fitts, W.H. & Warren, W.L. (1997). *Tennessee Self Concept Scale TSCS:2*. Manual Edisi ke-2. Los Angeles: Western Psychological Services.
- Forney, W.S., Forney, J.C. & Crutsinger, C. (2009). Developmental stages of age and moral reasoning as predictors of juvenile delinquents' behavioral intention to steal clothing. *Journal of Family and Consumer Sciences* 34(2): 110-126.

- Galambos, N.L. & Costigan, C.L. (2003). Emotional and personality development in adolescence. Dlm. Lerner R.M., Easterbrooks M.A., Mistry J., (pnyt.). *Handbook of psychology, Vol. 6, Developmental Psychology*. New York: John Wiley & Sons.
- Heyder, A., Weidinger, A.F. & Steinmayr, R. (2021). Only a burden for females in math? gender and domain differences in the relation between adolescents' fixed mindsets and motivation. *Journal of Youth and Adolescence* 50(1): 177–188.
- Institut Kesehatan Umum. (2020). Tinjauan Kebangsaan Kesehatan dan Morbiditi (NHMS) 2019: Penyakit tidak Berjangkit, Permintaan Jagaan Kesehatan dan Literasi Kesehatan: Penemuan Utama. https://iptk.moh.gov.my/images/technical_report/2020/4_Infographic_Booklet_NHMS_2019_-_BM.pdf [14 Mei 2021].
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Definisi kanak-kanak. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=T0pud3B0c01RMHIXU3h4TIRoMIRJdz09> [18 November 2018].
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2019). Laporan Statistik 2019. https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/pdf/laporan_statistik/FINAL%2Web%20Upload%20-%20Laporan%20Statistik%202019.pdf [31 Julai 2022].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Laporan statistik jenayah Malaysia 2021. <https://www.dosm.gov.my> [18 April 2022].
- Johari Hassan & Pusphavalli a/p Rajoo. (2005). Hubungan di antara konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. http://eprints.utm.my/id/eprint/11609/1/Hubungan_Di_Antara_Konsep_Kendiri_Dan_Kesejahteraan_Hidup_Di_Kalangan_Remaja_Akhir.pdf [19 Oktober 2019].
- Kajian Kesehatan Morbiditi Kebangsaan. (2012). Masalah kesehatan mental di Malaysia. Kenyataan Akhbar: Menteri Kesehatan Malaysia pada 13 Jun 2012. http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/22/257 [12 Mei 2021].
- Kajian Kesehatan Morbiditi Kebangsaan. (2019). Masalah kesehatan mental di Malaysia. Kenyataan Akhbar: Menteri Kesehatan Malaysia pada 10 Oktober 2021. <https://kpkesehatan.com/2019/10/10/kenyataan-akhbar-kpk-10-oktober-2019-hari-kesehatan-mental-sedunia-2019-sayangi-nyawa-hidupkan-harapan/> [13 Mei 2021]
- Lin, S., Liu, D., Liu, W., Hui, Q., Cortina, K. S. & You, X. (2018). Mediating effects of self-concept clarity on the relationship between passive social network sites use and subjective well-being. *Current Psychology* 1(1): 1-8.
- Lussier, R.N. (2002). Human relationship in organizations, applications and skill building. Edisi ke-5. New York: McGraw-Hill.
- Luyckx, K., Goossens, L., Soenens, B., Beyers, W. & Vansteenkiste, M. (2005). Identity statuses based upon four rather than two identity dimensions: Extending and refining Marcia's paradigm. *Journal of Youth and Adolescence* 34(1): 605-618.

- Mahmood Nazaar Mohamed. (2009). Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marcia, J.E. (1966). Development and validation of ego-identity status. *Journal of Personality and Social Psychology* 3(1): 551–558.
- Marcia, J.E. (1980). Ego identity development: Handbook of adolescent psychology. New York: Wiley.
- Maslow, A.H. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper and Row.
- Noor Lela Ahmad, Atikah Amidi & Hariyaty Ab. Wahid. (2018). Pengaruh ibubapa terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* 2(8): 85-94.
- Prabowo Adhyatman. (2016). Kesejahteraan psikologis remaja di sekolah. *Jurnal Ilmiah Psikologi Terapan* 4(2): 246-260.
- Pravitha, M.R. & Sembian, R. (2017). Psychological well-being among adolescent in the current scenario. *IOSR Journal of Humanities and Social Sciences* 1(1): 36-41.
- Rasdanintia, A., Basaria, D. & Sahrani, R. (2020). Relationship between self-concept and subjective well-being in late adolescent social media users. *Advances in Social Science, Educational and Humanities Research* 478(1): 457-462.
- Rayle, A.D. (2005). Adolescent gender differences in mattering and wellness. *Journal of Adolescence* 28(1): 753-763.
- Riduwan & Akdon. (2010). *Rumus dan data dalam analisis statistik untuk penelitian. Edisi ke-3*. Bandung: Alfabeta Publication.
- Rigby, K., Slee, P.T. & Martin, G. (2007). Implications of inadequate parental bonding and peer victimization for adolescent mental health. *Journal of Adolescence* 30(1): 801-812.
- Rozmi Ismail. (2013). Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican. (2009). Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Santrock, J.W. (2019). Life-span development. United States: McGraw-Hill International Edition.
- Sari, F.I.P. & Maryatmi, A.S. (2019). Hubungan antara konsep diri (dimensi internal) dan optimisme dengan *subjectivewell-being* siswa Bekasi marsudirini beksi. *Ikhraith-Humaniora* 3(1): 23-29.
- Sari, V.H.P. (2014). Hubungan body image dengan self-concept wanita dewasa awal. Skripsi: Universitas Islam Negeri Surabaya.
- Sarkova, M., Bacikova-Sleskova, M., Geckova, A.M. & Katreniakova, Z. (2014). Adolescents' psychological well-being and self-esteem in the context of relationships at school. *Educational Research* 56(4): 367-378.
- Shulman, E.P., Cauffman, E., Piquero, A. R. & Fagan, J. (2011). Moral disengagement among serious juvenile offenders: A longitudinal study of the relations between morally disengaged attitudes and offending. *Developmental Psychology* 47(6): 1619–1632.
- Stangor, C. (2015). Research methods for the behavioral sciences. Stamford, USA: Cengage Learning.

- Steinberg, L. (2009). Adolescent development and juvenile justice. *Annual Review of Clinical Psychology* 5(1): 459–485.
- Swain, T.G. (1972). Self-concept and its relationship to significant others in the intellectually gifted. Tesis Dr. Fal, Psychology Department, Kansas State Teachers College of Emporia. United State.
- Aziz, S., Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. (2019). Tingkahlaku devian dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia berdasarkan faktor pemantauan ibu bapa, komunikasi ibu bapa dan religiositi. *Jurnal Sains Sosial* 4(1): 93-101.
- Tang, W. W., Gai, X. S. & Zhao, Y. (2011). Gender differences in primary school students' sociality adaptation. *Journal of Inner Mongolia Norm* 40(1): 139–144.
- Yamane, T. (1967). *Statistics: An introductory analysis*. Edisi ke-2. New York: Harper and Row.
- Ybrandt, H. (2008). The relationship between self-concept and social functioning in dolescents. *Journal of Adolescents* 1(1): 1-16.
- Khalim, Z. (2014). Pengurusan disiplin pelajar sekolah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.